

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]**

**TARIKH** : **4 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 65**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan untuk menambah baik dan menaik taraf perkhidmatan ETS khasnya bahagian utara dari Butterworth ke Kuala Lumpur dan tarikh pelaksanaan sekiranya ada.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 36 Perkhidmatan ETS sehari disediakan oleh KTMB di seluruh rangkaian landasan berkembar elektrik antara Gemas dan Butterworth/Padang Besar.

Bagi perjalanan dari/ke Stesen Butterworth, sepuluh (10) Perkhidmatan ETS disediakan sehari seperti jadual di bawah:

<b>Laluan</b>	<b>Bil. Perkhidmatan Sehari</b>
Kuala Lumpur – Butterworth – Kuala Lumpur	8
Gemas – Butterworth - Gemas	2

Buat masa ini, penambahan jumlah perkhidmatan ETS tidak dapat dilaksanakan kerana set-set tren ETS sedia ada sedang digunapakai pada tahap maksimum untuk tujuan operasi.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini KTMB memiliki 14 set ETS yang aktif untuk tujuan operasi. Jumlah set ini masih tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan orang ramai yang ingin menggunakan perkhidmatan ETS di seluruh negara. Sehubungan itu, bagi menampung kekurangan set-set ETS sedia ada, Kerajaan telah meluluskan pembelian 19 ETS baru yang mana 9 set pertama dijangka tiba pada penghujung tahun 2019. Baki 10 set lagi sedang dalam peringkat persediaan bagi pelaksanaan proses perolehan.

Dengan pertambahan set-set ETS ini, KTMB akan menyemak semula kekerapan bilangan perkhidmatan tertakluk kepada permintaan dan keperluan kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.